

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21 April 2016

SOALAN

SOALAN : DATUK KADZIM M. YAHYA minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian mempunyai kuasa untuk bertindak terhadap pihak yang mendera berdasarkan mana-mana laporan mengenai penderaan ke atas warga emas yang dilaporkan semakin berleluasa di Malaysia sekarang.Tuan

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) telah digubal pada tahun 1994. Akta ini memberi perlindungan bukan hanya kepada seseorang isteri atau suami tetapi juga anggota keluarga yang lain. Dalam hal ini, seseorang ahli keluarga yang melakukan keganasan terhadap warga emas boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah AKRT. Dalam pada itu, Seksyen 3 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] menyatakan Akta 521 ini hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan [Akta 574] atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berhubungan dengan keganasan rumah tangga. Kuasa untuk menjalankan siasatan adalah di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM). Di samping itu, dalam aspek perlindungan, peruntukan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] boleh digunakan untuk membantu mangsa mendapatkan perlindungan sama ada melalui Perintah Perlindungan Interim (IPO) atau Perintah Perlindungan yang dikeluarkan oleh Mahkamah. IPO boleh dimohon secara ex-parte oleh mangsa melalui 3 cara iaitu membuat permohonan terus ke Mahkamah, melalui peguam pemohon atau melalui bantuan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Mangsa yang memerlukan perlindungan sementara di tempat selamat boleh memohon perlindungan di tempat selamat di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

